

## SOALAN NO. 133

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD ZAIM  
BIN ABU HASAN [PARIT]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan adakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan  
dalam mengekang kegiatan menjual dan membeli anugerah, gelaran atau  
darjah kebesaran palsu.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 25 Oktober 2017 telah menguatkuasakan Akta Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2017 [Akta 787]. Akta 787 mempunyai 19 fasal yang menyediakan peruntukan-peruntukan khusus mengenai pelbagai jenis kesalahan dan hukuman berkaitan pengurniaan, penerimaan dan pemakaian darjah kebesaran, bintang dan pingat dalam dan luar negara (anugerah Negara Asing). Peruntukan tersebut antaranya termasuklah:

- (i) menerima dan mengguna anugerah yang tidak diiktiraf;
- (ii) menghadiri, mempromosi atau menyertai istiadat pengurniaan anugerah yang tidak diiktiraf;
- (iii) membuat lambang kebesaran, membuat alat bagi membuat lambang kebesaran atau memiliki alat bagi maksud menggunakannya untuk membuat lambang kebesaran anugerah yang tidak diiktiraf;
- (iv) menyatakan diri sebagai pemegang anugerah Yang di-Pertuan Agong walaupun tidak pernah dianugerahkan, menggunakan anugerah Yang di-Pertuan Agong yang telah dibatalkan atau ditarik balik dan menggunakan anugerah Yang di-Pertuan Agong bilamana tidak berhak;

- (v) menerima anugerah Ketua Negara asing tanpa mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong;
- (vi) menerima dan menggunakan anugerah asing tidak diiktiraf;
- (vii) meminta, menerima dan memberi suapan bagi anugerah yang diiktiraf dan anugerah tidak diiktiraf; dan
- (viii) meminta, menerima dan memberi suapan bagi anugerah asing yang tidak diiktiraf; dan
- (ix) kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang negeri tetapi dilakukan di luar wilayah Negeri.

Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri (BIUPA, JPM) telah menyediakan dua panduan umum iaitu Garis Panduan Penerimaan Dan Pemakaian Anugerah Asing Bagi Warganegara Malaysia serta Surat Pekeliling Am Bil. 1/2017: Penerimaan Anugerah Asing Daripada Ketua Negara Asing Kepada Pegawai Kerajaan Yang Sedang Berkhidmat Di Luar Negara sebagai memenuhi keperluan pelaksanaan Akta 787. Akta 787, surat pekeliling am dan garis panduan boleh dirujuk dan dimuat turun di laman web BIUPA, JPM ([www.istiadat.gov.my](http://www.istiadat.gov.my)).

Dengan berkuat kuasanya Akta 787 ia akan membendung pelbagai bentuk kesalahan berkaitan anugerah terutamanya penipuan serta

penyalahgunaan pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat di negara ini. Dalam hubungan ini, masyarakat dinasihatkan agar segera membuat laporan polis sekiranya berurusan dengan individu yang disyaki menyalahgunakan darjah kebesaran, bintang dan pingat serta gelaran pengurniaan tersebut. Sebarang semakan status pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan Negeri boleh dibuat melalui sistem semakan di laman web BIUPA, JPM atau berhubung terus dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.